

21 OCT 1996

SELANGOR ZONKAN KAWASAN SELARASKAN HARGA RUMAH KOS RENDAH

KLANG, 21 Okt (Bernama) -- Selangor akan melaksanakan kaedah zon bandar, pinggir bandar dan luar bandar bagi menyelaraskan harga rumah kos rendah di negeri ini, kata Menteri Besar, Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib.

Katanya, penetapan zon itu selain mengikut lokasinya, juga akan mengambil kira harga tanah semasa dan kesan terhadap harga tanah yang menjadi tinggi akibat pembangunan kegiatan ekonomi di sesuatu kawasan.

"Pandangan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) adalah praktikal sebab harga tanah di kawasan tertentu seperti Lembah Klang jauh lebih tinggi daripada di luar bandar," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Dr Mahathir baru-baru ini menyatakan bahawa tidak realistik untuk kerajaan terus mengekalkan harga rumah kos rendah pada kadar RM25,000 seunit berikutan harga tanah yang semakin naik terutama di kawasan bandar.

Muhammad berkata penetapan harga rumah kos rendah mengikut zon itu akan dibincangkan pada peringkat negeri.

Sebelum ini Selangor telah mengambil langkah menambah kategori rumah yang dibina selain rumah kos rendah iaitu rumah kos sederhana rendah berharga bawah RM60,000 dan rumah kos sederhana berharga RM60,000 hingga RM80,000. -- BERNAMA

MNY NMO